

**CURRENT
AWARENESS
SERVICE**

NOVEMBER 2017
ISSUE NO. 11

INTEGRITI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA • THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY



**REINFORCING INTEGRITY: TAN SRI WAHID
URGES CORPORATE LEADERS TO ADOPT
'TONE AT THE TOP' APPROACH**

Laporan penuh muka surat 4



CONTENTS / KANDUNGAN



EDITORIAL / EDITORIAL

- 03 Pembudayaan integriti bermula dari atas – pemimpin perlu tunjuk teladan positif

SPECIAL EVENT / PROGRAM KHAS

- 04 Reinforcing integrity: Tan Sri Wahid urges corporate leaders to adopt 'tone at the top' approach
- 06 NIC 2017 Resolutions: Foster excellence through integrity
- 07 Modul Integriti Industri Pembinaan bagi lahir kontraktor beretika dilancarkan

NEWS / BERITA

- 08 Roadshow **INTEGRITI**: Dashboard INTEGRITI sedia maklumat interaktif, komprehensif
- 09 Unit Integriti Negeri disaran perluas program pupuk integriti di setiap daerah
- 10 Memperkasa etika badan sukan dan menbudayakan integriti atlet negara

- 11 Majlis Perbandaran Klang PBT pertama anjur INTEGRITI's Breakfast Talk
- 12 Bengkel semakan Pelan Integriti Nasional

FEATURES / RENCANA

- 13 Isu integriti: Beri kefahaman dari usia muda

NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU DI PUSAT ILMU INTEGRITI

- 14 Buku-buku baharu di Pusat Ilmu **INTEGRITI**

GALLERY / GALERI

- 15 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di **INTEGRITI**

EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

Advisor / Penasihat

Datuk Dr. Anis Yusaf Yusoff

Editor / Pengarang

Dr G Manimaran

Assistant Editors / Penolong Pengarang

Aimi Farhana Mohd Amin
Zareena Izmin Ismail

Photographer / Jurufoto

Izal Arif Zahrudin
Rosalizawati Arshad

Layout / Reka Letak

Azni Husairi

Contributors / Penyumbang

Harisham Ibrahim
Mohd Rais Ramli

Published monthly by / Diterbitkan setiap bulan oleh

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (INTEGRITI)

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

PEMBUDAYAAN INTEGRITI BERMULA DARI ATAS – PEMIMPIN PERLU TUNJUK TELADAN POSITIF

Presiden Amerika Syarikat yang ke-34, Dwight D. Eisenhower pernah berkata, *“the supreme quality for leadership is unquestionably integrity. Without it, no real success is possible, no matter whether it is on a section gang, a football field, in an army, or in an office.”* Sama ada di medan pertempuran selaku jeneral mahupun di White House, beliau bersandarkan kepada pegangan ini. Sehingga ke hari ini petikan itu menjadi sebahagian daripada kata-kata hikmah bagi mereka yang membicarakan siapa yang seharusnya menggerakkan usaha pembudayaan integriti.

Dalam konteks Malaysia, bagi memperkukuh penghayatan budaya berintegriti, Pelan Integriti Nasional (PIN) telah dilancar pada 23 April 2004. Ia satu langkah bagi memastikan integriti menjadi komponen penting dalam diri setiap rakyat. PIN terdiri daripada lapan komponen. Setiap komponen terbabit secara langsung atau tidak langsung diketuai oleh seseorang yang memperlihatkan sifat kepimpinan sama ada sebagai ketua organisasi, ketua pertubuhan, ketua keluarga dan sebagainya.

Bagi mencapai sasaran PIN, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) menganjurkan Konvensyen Integriti Nasional setiap tahun bagi menyediakan platform membincangkan agenda integriti negara. Konvensyen yang pertama telah diadakan pada 2006. Tema tahun ini “Memperkuatkan Integriti Korporat: Dari Atas dan Di Setiap Peringkat”. Bermakna usaha menggerakkan pembudayaan integriti perlu didorong dari atas iaitu peranan dan penglibatan aktif barisan kepimpinan setiap organisasi. Pertemuan tahunan pada kali ini membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan isu-isu integriti, etika perniagaan dan tadbir urus, terutamanya untuk sektor swasta dan komersial.

Kali ini, INTEGRITI memberi tumpuan ke atas sektor swasta kerana ia merupakan satu lagi komponen penting dalam pembinaan negara. Ia dianjurkan dengan kerjasama PETRONAS. Gandingan ini adalah satu refleksi bahawa semua pihak perlu bekerjasama untuk memperkukuhkan amalan dan penghayatan budaya berintegriti dalam kalangan rakyat Malaysia.

Dalam ucaptamanya, Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad, Tan Sri Abdul Wahid Omar telah menekankan kepentingan kepimpinan dalam menetapkan budaya untuk membuat perubahan. Nasihat dan saranan beliau turut dihidangkan dalam edisi kali ini. Berdasarkan pengalaman beliau dalam sektor korporat dan juga dalam pentadbiran kerajaan

selaku anggota Kabinet, Tan Sri Abdul Wahid telah melontarkan seruan yang amat signifikan untuk melihat perubahan. Beliau yakin sektor korporat boleh memainkan peranan yang amat penting dan mereka wajar berbuat demikian bagi mencapai sasaran PIN.

Sempena Konvensyen Integriti Nasional kali ini, Modul Integriti Industri Pembinaan turut telah dilancarkan dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Secara langsung pelancaran ini menandakan INTEGRITI menerbitkan modul yang kedua selepas Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan yang dilancarkan pada tahun lalu.

Sempena sambutan Bulan Integriti, selain Konvensyen Integriti Nasional, INTEGRITI turut mengadakan program Roundtable Discussion dan INTEGRITI's Breakfast Talk. Malah INTEGRITI bangga kerana banyak pihak mengadakan sambutan sempena Bulan Integriti sepanjang bulan November. Ini satu perkembangan yang memberangsangkan kerana boleh meningkatkan kesedaran mengenai integriti.

INTEGRITI berharap usaha-usaha murni itu akan diteruskan dan dipertingkatkan. Usaha memupuk budaya berintegriti tidak boleh dicapai sekelip mata. Ia satu perjalanan yang jauh. Tetapi yang penting adalah komitmen, kepimpinan dan teladan dari atas.

Salam hormat dan selamat membaca.

INTEGRITI DI HATI

DR G MANIMARAN

REINFORCING INTEGRITY: TAN SRI WAHID URGES CORPORATE LEADERS TO ADOPT 'TONE AT THE TOP' APPROACH

By G Manimaran

Tan Sri Abdul Wahid Omar, Group Chairman of Permodalan Nasional Berhad (PNB) urged the private sector to firmly adopt “tone at the top” and “leadership by example” approach to reinforce corporate integrity and governance to be successful.

He said that the efforts of creating integrity culture must be driven and championed by the Chairman, the Board and the CEO while being supported by the management, employees and all stakeholders.

“This is what we mean by top down all around in the corporate sector,” he said in his keynote address at the National Integrity Convention 2017 (NIC 2017) at Kuala Lumpur Convention Centre on November 9, 2017. NIC 2017 jointly organised by the Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) and PETRONAS.

Tan Sri Abdul Wahid, who has an outstanding leadership track record in corporate and financial management for organisations

such as Maybank, Telekom Malaysia, Axiata Group, UEM Group and PLUS Expressways said that for Malaysia to progress towards becoming a developed nation, it is important for society to rid itself of corrupt practices.

“I am indeed heartened by the recent anti-corruption drive by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC),” he said and added that “the MACC must be supported in their anti-corruption drive without fear or favour.”

Unfortunately though, he said, Malaysia is still suffering from poor perception.

“Zero tolerance towards corruption must begin with all of us, civil servants and corporates alike. For such anti-corruption drive to be sustainable, it is important for both the givers and recipients of bribes to be charged and punished,” said the former Minister in the Prime Minister’s Office.



Tan Sri Abdul Wahid (second from right) delivered keynote address at the National Integrity Convention 2017. On his right, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff, Tan Sri Dr Madinah Mohamed, one of the INTEGRITI Board of Directors, and Managing Director and Chief Executive Officer of Petronas Dagangan Bhd, Datuk Mohd. Ibrahimuddin Mohd. Yunus.



Participants of NIC 2017 in a group photo with Datuk Paul Low Seng Kuan.

Corruption, according to him, would persist as long as there are parties who are prepared to pay their way into lucrative contracts and favours.

Thus, he stressed that the time has come for the Civil Service and Corporate Malaysia to say no to corruption.

“I’m sure we are all familiar with the anti wildlife poaching campaign with the tagline “When the buying stops, the killing will stop too”. The same thing applies to corruption or acts of dishonesty in society too. As the anti corruption saying goes, “When the giving stops, the taking of bribes will stop too’.”

He said that INTEGRITI has been facilitating efforts to strengthen the integrity of the public and private sectors in the country with the focus on the implementation of the National Integrity Plan and serving as think tank and centre of reference on integrity matters.

“In doing so, however, it is important for us to embrace the spirit and intention of the policy rather than form. All stakeholders need to take a pragmatic approach in implementing the no gifts policy,” he said.

Tan Sri Abdul Wahid added that fundamentally the words Integrity and Trust are closely related and trust is often used to interpret what people say, to describe behaviour, to decide if we feel comfortable sharing information or to indicate whether we feel other people have our interests at heart.

“We all know what trust means but we often take the word for granted” said Tan Sri Abdul Wahid.

Recently, Tan Sri Abdul Wahid said that he came across the concept of Trust Equation developed by Charles E Green of

Trusted Advisor.

The Trust Equation uses four objective variables to measure trustworthiness, namely credibility, reliability, intimacy and self orientation.

“I must say this concept of Trust Equation has helped me understand better why sometimes a very competent leader suffers from trust deficit and is unable to engender support from his stakeholders to make the transformation of his company or organisation successful or sustainable.

“It is therefore important for leaders to embrace the prerequisite values of a good and sustainable leader i.e. Integrity, Competency and Humility and work towards improving his Trust Quotient or TQ,” he said.



Participants trying the Malaysian Integrity Profile teaser test.

NIC 2017 RESOLUTIONS: FOSTER EXCELLENCE THROUGH INTEGRITY



Resolutions of NIC 2017 was handed to Datuk Paul Low Seng Kuan.

Protection Act 2010 so as to provide maximum protection and assistance to encourage more witnesses to lodge reports on grafts and dubious practices that happened in the economic sector;

7. To request employers in the corporate and private sectors to enhance their recruitment screening process especially for highly risked positions by using available tools such as Malaysian Integrity Profile (MIP), Integrity Assessment Tool (IAT), MACC's Security Screening and others;
8. To introduce annual Malaysian Integrity Awards for CEOs and Companies that have demonstrated significant achievements and contributions in instilling integrity within the economic sector;
9. To urge companies to maximize the use of digital innovation with a view to minimizing human contacts and dealings in day to day business transactions especially in areas such as tenders and procurements; and
10. To propose to the government to emphasize inculcating the culture of integrity amongst employers and employees of the private sector so as to attract more foreign direct investors to do business in Malaysia which will in turn propel the economic growth of the country.

National Integrity Convention 2017 (NIC 2017), with the theme of Reinforcing Corporate Integrity: Top Down and All Around, attended by over 400 participants comprised of corporate and business fraternity from all over Malaysia, adopted 10 resolutions at the end of one-day meeting.

1. To urge leaders of the corporate sector to promote the culture of integrity within their organisations, with the view to attaining a corrupt free working environment;
2. To ensure the law about corporate integrity and good governance are diligently implemented in the economic sector;
3. To urge the shareholders and stakeholders of companies to

work in tandem in fostering organisational excellence through good governance and integrity;

4. To enhance engagement with the community and ensure adequate transparency in all transactions within the economic sector;
5. To established registered list of corporate offenders and bar any person or member of the Board of Directors of existing companies who have been convicted with graft or criminal breach of trust in any courts in Malaysia or abroad from being appointed as a Board Member in any public listed companies in Malaysia for unspecified period of time;
6. To amend the Witness Protection Act 2009 and Whistleblower

Resolutions were handed to Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, the Minister in the Prime Minister's Office, who officially closed the National Integrity Convention 2017.

MODUL INTEGRITI INDUSTRI PEMBINAAN BAGI LAHIR KONTRAKTOR BERETIKA DILANCAR

Oleh G Manimaran

Individu-individu yang terlibat dalam industri pembinaan perlu memiliki integriti untuk menjadi kontraktor yang berjaya. Mereka perlu sentiasa mematuhi semua peraturan semasa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa untuk memastikan tidak berlaku pelanggaran syarat dan prosedur semasa melaksanakan projek pembinaan.

Justeru sebagai satu panduan kepada mereka, Modul Integriti Industri Pembinaan diterbitkan oleh Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Modul ini merupakan salah satu daripada kaedah yang diguna pakai oleh CIDB untuk memastikan para kontraktor yang baru mendaftar dengan lembaga itu faham tentang konsep integriti dan etika perniagaan serta dapat menterjemahkannya dalam aspek tingkah laku dan perbuatan yang mengutamakan amanah, kejujuran, akauntabiliti dan sentiasa bertanggungjawab serta bersih rasuah.

Langkah ini diyakini akan menyumbang kepada pembentukan lapisan kontraktor yang beretika dan berintegriti.

Modul ini dilancarkan sempena National Integrity Convention 2017. Majlis pelancaran disempurnakan oleh Pengerusi CIDB, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Modul ini akan diguna pakai dalam "Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor" di seluruh negara untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan para kontraktor mengenai integriti dan kod

etika perniagaan. Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor adalah wajib untuk setiap kontraktor yang berdaftar dengan CIDB.

Setiap kontraktor yang menghadiri Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor diwajibkan untuk menduduki ujian bertulis berkaitan isu-isu integriti dan etika perniagaan yang dikendalikan pada akhir sesi kursus. Objektif ujian ini ialah untuk menilai kefahaman peserta kursus tentang kandungan Modul Integriti Industri Pembinaan yang disampaikan sewaktu kursus. Ini adalah penting untuk memastikan kursus yang dijalankan ini berupaya memberi kesan atau impak kepada peserta kursus khususnya dan kepada industri pembinaan amnya.

Modul ini juga mendedahkan para peserta kursus kepada Pelan Integriti Nasional (PIN).

Pembudayaan integriti dalam industri

pembinaan adalah penting kerana industri ini sering dilihat sebagai sebuah industri yang berisiko tinggi. Syarikat-syarikat pembinaan di negara ini perlu mempamerkan tahap integriti dan etika perniagaan yang tinggi jika mereka ingin bersaing dan berjaya di persada antarabangsa.

CIDB memberikan penekanan kepada enam prinsip utama kod etika yang perlu diterapkan dalam diri setiap kontraktor : jujur melaksanakan tanggungjawab, pematuhan peraturan dan undang-undang, penghormatan kepada individu dan masyarakat, kepentingan kualiti, kemahiran dan piawaian, kepentingan keselamatan, kesihatan dan kebajikan dan kepentingan pemeliharaan alam sekitar.

Modul ini terdiri daripada tiga komponen utama iaitu PIN: Prinsip dan Falsafah, Amalan Kod Etika Kontraktor Industri Pembinaan dan Rasuah Dalam Industri Pembinaan.



Pelancaran Modul Integriti Industri Pembinaan sempena National Integrity Convention 2017.

ROADSHOW INTEGRITI: DASHBOARD INTEGRITI SEDIA MAKLUMAT INTERAKTIF, KOMPREHENSIF

Oleh G Manimaran

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) yang sedang menganjurkan Roadshow INTEGRITI di setiap negeri bermula Ogos lalu, menawarkan Dashboard INTEGRITI bagi membolehkan kerajaan-kerajaan negeri memperoleh maklumat terkini mengenai isu-isu berkaitan integriti.

Ini merupakan satu paparan dalam bentuk pembangunan analisa yang berinformatif dan interaktif.

Melalui sistem paparan itu, maklumat yang disediakan dapat dikongsi bersama bagi tujuan rujukan dan tindakan agensi-agensinya.

Selain itu, data dalam Dashboard INTEGRITI juga akan memberi kemudahan secara mendalam kepada agensi-agensinya untuk mengenal pasti sebarang ketidakberkesanan atau boleh menjangkakan perubahan trend sesuatu program.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff berkata, sistem paparan itu akan membolehkan mereka yang ingin mendapatkan maklumat mengenai isu-isu integriti sama ada di peringkat nasional atau luar negara akses kepada Dashboard INTEGRITI yang telah dibangunkan.

Pembangunan Dashboard INTEGRITI ini bertujuan mengumpul maklumat program integriti yang dilaksanakan oleh semua pihak berkepentingan di seluruh negara.

“Melalui maklumat ini, INTEGRITI dapat menganalisis data dan maklumat secara visual bagi melihat program yang dilaksanakan adalah mencakupi semua kumpulan sasaran seperti yang terkandung dalam Pelan Tindakan Nasional (PIN).

“INTEGRITI akan memberikan khidmat nasihat dan cadangan kepada pihak-pihak berkepentingan melalui contoh-contoh program yang telah dilaksanakan termasuk pengenalan kepada beberapa instrumen yang telah dibina bagi tujuan



Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff sedang berbincang dengan peserta di Roadshow INTEGRITI.

peningkatan integriti,” kata beliau.

Selain berkongsi maklumat interaktif ketika singgah di setiap negeri, kata beliau, melalui Roadshow INTEGRITI pihak sekretariat mengumpulkan isu-isu yang dibangkitkan daripada peserta setiap sesi pertemuan.



Sekitar sesi Bengkel Halatuju sewaktu Roadshow INTEGRITI.

UNIT INTEGRITI NEGERI DISARAN PERLUAS PROGRAM PUPUK INTEGRITI DI SETIAP DAERAH

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) menyarankan Unit Integriti Negeri memperluaskan program meningkatkan usaha pemupukan budaya berintegriti tinggi di peringkat daerah dengan membentuk gandingan melibatkan pegawai-pegawai daerah.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff berkata, pegawai-pegawai daerah boleh memainkan peranan penting dalam memupuk nilai-nilai positif bagi memupuk budaya berintegriti dengan melaksanakan program-program yang khusus di kawasan masing-masing.

Kata beliau, susulan pendekatan INTEGRITI memperluaskan program dan aktiviti bagi mencapai matlamat Pelan Integriti Nasional (PIN) di peringkat nasional dan negeri, PIN perlu dilaksanakan dengan menyeluruh di peringkat daerah.

“Setiap daerah mempunyai sifat dan ciri tersendiri. Kita tidak boleh menggunakan kaedah yang sama bagi setiap kawasan.

“Memandangkan pegawai-pegawai daerah tahu tentang kawasan masing-masing, maka INTEGRITI berpandangan pegawai-pegawai daerah boleh memainkan peranan khusus bagi kawasan mereka,” kata beliau semasa program Roadshow INTEGRITI 2017 peringkat Negeri Johor di Johor Bahru pada 14 November lalu.

Kata beliau, INTEGRITI memerlukan banyak ‘integrity champion’ dan salah satu pihak yang boleh memainkan peranan ini adalah pegawai-pegawai daerah dan Unit Integriti peringkat negeri.

INTEGRITI mengambil pendekatan turun padang dengan

menganjurkan program Roadshow INTEGRITI, yang melibatkan kesemua negeri sejak Ogos lalu, bagi membantu kerajaan-kerajaan negeri mengadakan program pemupukan integriti yang berimpak tinggi. Lebih 300 wakil agensi-agensi kerajaan, GLC dan sektor swasta menyertai bengkel Roadshow INTEGRITI peringkat Negeri Johor.

Negeri Johor merupakan persinggahan keempat sejak program Roadshow INTEGRITI dilancarkan pada bulan Ogos lalu. Roadshow INTEGRITI telah diadakan di Selangor, Sarawak dan Pulau Pinang. Persinggahan seterusnya adalah di Perlis pada bulan Januari 2018.

Datuk Dr. Anis Yusal berkata, dalam usaha untuk membudayakan agenda integriti, INTEGRITI mengadakan Roadshow INTEGRITI untuk berkongsi program-program integriti atau kaedah-kaedah baharu bagi tujuan pemupukan budaya berintegriti tinggi.

Kata beliau, menerusi Roadshow INTEGRITI segala maklumat berkaitan isu integriti di peringkat negeri akan dimuat naik dalam sistem yang dinamakan sebagai “Dashboard INTEGRITI”, yang merupakan satu paparan dalam bentuk pembangunan analisa yang berinformatif dan interaktif.

Program Roadshow INTEGRITI peringkat Negeri Johor diadakan dengan kerjasama Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, yang turut mengadakan Konvensyen Integriti Negeri Johor. Ini merupakan kali pertama program Roadshow INTEGRITI diadakan sempena sambutan Bulan Integriti dan bersama penganjuran Konvensyen Integriti Negeri Johor. Majlis penutup Konvensyen Integriti Negeri Johor dan Roadshow INTEGRITI Negeri Johor disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Johor, Dato’ Azmi Rohani.



Peserta bergambar berkumpul di akhir Program Roadshow INTEGRITI di Johor Bahru.

MEMPERKASA ETIKA BADAN SUKAN DAN MEMBUDAYAKAN INTEGRITI ATLET NEGARA

Oleh Harisham Ibrahim

Sukan bukan sahaja sebagai medan untuk mempamerkan kemahiran dalam acara masing-masing, malah menjadi platform yang menghasilkan banyak faedah, manfaat dan kebaikan kepada negara. Oleh itu, wajarlah masyarakat Malaysia mengambil berat terhadap pembangunan sukan dan perkembangannya. Malah ada sesetengah negara yang sanggup memperuntukkan jutaan dana sebagai pelaburan jangka panjang bagi pembangunan sukan negara mereka.

Sejak kebelakangan ini pelbagai isu telah timbul dalam bidang sukan negara seperti isu rasuah, pengambilan dadah oleh atlet, prestasi atlet yang tidak memberangsangkan dan juga masalah dengan pengurusan badan sukan itu sendiri.

Pengurusan dan tadbir urus badan sukan yang masih lemah menjadikan imej badan-badan sukan di negara ini agak tercalar. Masalah perebutan jawatan dan perselisihan dalaman yang berlaku telah memburukkan keadaan sehingga memaksa pihak Majlis Sukan Negara campur tangan.

Dalam membincangkan isu ini,

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah mengadakan Program Round Table Discussion (RTD) dengan tajuk Memperkasa Etika Badan Sukan dan Membudayakan Integriti Atlet Negara pada 16 November 2017. Objektif utama program RTD ini adalah bagi mendapatkan idea dan pandangan pelbagai pihak bagi mengenal pasti langkah dan usaha yang terbaik dalam meningkatkan etika badan sukan di negara ini serta membudayakan integriti dalam kalangan atlet-atlet negara.

Tajuk itu dikupas Dato' Zaiton Othman, Pesuruhjaya Sukan Malaysia dan Suhardi Alias, Pengarah Bahagian Pengurusan Sukan, Majlis Sukan Negara. Sesi perbincangan dikendalikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff.

Kedua-dua ahli panel ini telah berkongsi pelbagai isu melibatkan sukan negara yang bergelumang dengan banyak perkara negatif. Isu penggunaan doping, perebutan jawatan, kelemahan tadbir urus, kes rogol atlet dan lain-lain lagi banyak dilaporkan di media massa. Kelemahan tadbir urus dan ketidakadilan yang berlaku dalam pengurusan sukan akhirnya merugikan

negara dan menjejaskan fokus atlet negara. Polisi badan-badan sukan juga dilihat masih lemah dan perlu diperbaharui agar ia sejajar dengan tuntutan semasa. Kegagalan badan-badan sukan memahami dan mematuhi perlembagaan mereka sendiri menimbulkan pelbagai masalah dalaman seperti gagal menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan atau proses pemilihan yang tidak teratur.

Selain itu, sesi perbincangan turut mencadangkan agar badan-badan sukan menyediakan saluran untuk atlet ini membuat aduan sekiranya berlaku salah laku dalam pengurusan sukan.

Sememangnya usaha untuk meningkatkan etika dan integriti badan sukan serta atlet-atlet di negara ini tidak hanya terletak di bawah tanggungjawab Pesuruhjaya Sukan semata-mata, tetapi merupakan tanggungjawab bersama pelbagai pihak.

Pegawai-pegawai badan sukan harus lebih profesional dalam menguruskan sukan yang mereka ceburi dan harus mampu menjadi contoh kepada atlet-atlet yang bernaung di bawah mereka.



Datuk Dr. Anis Yusal (tengah) bersama ahli panel, Suhardi Alias (empat dari kiri) dan Dato' Zaiton (lima dari kanan) bergambar bersama peserta.

MAJLIS PERBANDARAN KLANG PBT PERTAMA ANJUR INTEGRITI'S BREAKFAST TALK

Oleh G Manimaran

Majlis Perbandaran Klang (MPK) muncul sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama menganjurkan bersama INTEGRITI's Breakfast Talk, program yang diperkenalkan oleh Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) untuk menyemarakkan budaya berintegriti dalam kalangan kakitangan awam.

Program INTEGRITI's Breakfast Talk merupakan salah satu daripada siri program yang dianjurkan oleh INTEGRITI sepanjang tahun. Ia memfokus kepada pelbagai isu integriti dalam negara.

Program INTEGRITI's Breakfast Talk anjuran bersama INTEGRITI dan MPK ini, yang berlangsung di Klang pada 28 November lalu, memfokus topik Pengurusan Tadbir Urus PBT: Perspektif Integriti. Ia diadakan dengan tujuan untuk berkongsi pengalaman dan pandangan mengenai isu-isu berkaitan usaha memastikan pengurusan tadbir urus PBT dari sudut integriti, dan mengupas pentadbiran PBT secara holistik.

Pembicara Utama program itu adalah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff manakala dua pembincang pula terdiri daripada Pakar Motivasi Dato' Dr Mohd Fadzilah Kamsah dan Hakim Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Prof Adjung Dato' Dr Mohd Na'im Mokhtar. Ketua Bahagian Integriti dan Pengurusan Risiko Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Normalis Abd Samad bertindak sebagai moderator.

INTEGRITI's Breakfast Talk buat julung kali diperkenalkan pada tahun 2015.



Program INTEGRITI's Breakfast Talk yang berlangsung di Klang.

Datuk Dr. Anis Yusal berkata pendekatan-pendekatan seperti program INTEGRITI's Breakfast Talk merupakan peluang kepada INTEGRITI dan agensi-agensinya terbabit termasuk MPK memahami dan menghalusi isu-isu yang berkaitan dengan integriti secara mendalam.

Katanya, INTEGRITI akan mengambil langkah-langkah susulan seperti sesi perbincangan lanjut dan melakukan kajian empirikal bagi mengemukakan cadangan-cadangan dan syor menerusi kertas dasar kepada Kerajaan.

"Apa yang kita bincangkan dalam sesi seperti ini merupakan satu peluang yang baik bagi mencari penyelesaian secara ilmiah dan empirikal. Setiap agensi mempunyai ciri-ciri masalah yang berbeza. Jadi kita perlu menjurus kepada setiap isu dengan fakta dan kajian," kata beliau.

"INTEGRITI telah menjalin kerjasama dengan MPK ke arah pemupukan budaya berintegriti, termasuklah menyediakan

instrumen-instrumen ini bagi tujuan tersebut," kata beliau.

INTEGRITI mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada MPK kerana memberi kerjasama padu bagi menjayakan program kali ini. Kerjasama ini membuktikan bahawa usaha memupuk nilai-nilai integriti memerlukan kerjasama pintar dua hala dan sokongan semua pihak.

Sementara itu, Yang Dipertua MPK, Dato' Mohamad Yasid Bidin menyifatkan program INTEGRITI's Breakfast Talk sebagai satu langkah penting dalam pendekatan menyeluruh pihaknya meningkatkan budaya berintegriti dalam kalangan kakitangan MPK dan juga pihak-pihak berkepentingan.

"MPK juga telah menjalin kerjasama dengan INTEGRITI untuk menggunakan Instrumen Penilaian Integriti (IAT) bagi memperkukuhkan nilai-nilai integriti. Kami akan memperluaskan usaha ke arah pemupukan budaya berintegriti dengan kerjasama INTEGRITI," kata beliau.

BENGGKEL SEMAKAN PELAN INTEGRITI NASIONAL

Oleh Mohd Rais Ramli

Proses semakan Pelan Integriti Nasional (PIN) edisi ketiga telah dimulakan sejak pertengahan tahun lalu dengan perbincangan bersama Pakar Bidang Khusus (SME) yang telah berlangsung pada 25 Januari 2017. Susulan daripada siri perbincangan satu bengkel bagi memurnikan kandungan yang disemak semula itu, telah diadakan pada akhir November 2017.

Perbincangan bengkel kali ini, yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin tertumpu kepada aspek untuk kembali meletakkan PIN sebagai dokumen utama negara dalam membudayakan integriti dalam kalangan seluruh masyarakat.

Bengkel ini melibatkan pegawai-pegawai INTEGRITI bagi membuat semakan, analisis serta cadangan terhadap PIN untuk tempoh lima tahun akan datang.

Bengkel ini diadakan untuk membuat semakan dan menilai relevansi objektif dan strategi sedia ada dan mencadangkan penambahbaikan. Selain itu, bengkel tiga hari ini turut menilai status pelaksanaan oleh agensi-agensinya pelaksana seperti yang

digariskan dalam PIN melalui laporan semakan status oleh lapan portfolio yang ada di INTEGRITI.

Dasar dan isu-isu baharu serta perkembangan semasa yang dilaksanakan oleh kerajaan telah dijadikan elemen penting untuk diselarikan dalam proses menambah baik PIN untuk menghadapi cabaran-cabaran baharu yang dijangkakan ketika negara mula mengambil langkah menuju ke arah Agenda TN50.

Segala input, idea dan cadangan yang diperoleh daripada peserta program dan aktiviti anjuran INTEGRITI khususnya Dialog TN50 dan Roadshow INTEGRITI telah dipertimbangkan dan diambil kira oleh bengkel.

PIN menyasarkan lapan institusi dengan 22 objektif dan 32 strategi dirancang pelaksanaannya melalui 242 program dan aktiviti.

Sehubungan itu, INTEGRITI mengambil inisiatif pada tahun ini untuk membuat menyemak semula PIN dengan tumpuan kepada pelan tindakan yang akan menentukan tahap penerimaan semua sektor masyarakat dalam membudayakan integriti di negara ini.



Peserta bengkel sedang memperhalusi penambahbaikan Pelan Integriti Nasional.

ISU INTEGRITI: BERI KEFAHAMAN DARI USIA MUDA

Oleh Erda Khursyah Basir

Isu integriti bukan sahaja sinonim dengan amalan rasuah atau sogokan tetapi merangkumi juga salah guna kuasa seperti yang termaktub di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ia juga tidak terhad kepada penjawat awam mahupun ahli politik semata-mata.

“Rasuah hanyalah sebahagian kecil dalam integriti dan tadbir urus yang baik sedangkan banyak perkara lain yang menyalahi konsep integriti yang perlu diperbetulkan.

“Amat penting untuk setiap lapisan masyarakat memahami konsep integriti secara menyeluruh kerana ia mampu mengelak salah laku atau salah guna kuasa yang boleh mencalar imej individu, jabatan atau agensi terlibat,” kata Datuk Dr Anis Yusal Yusoff, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) kepada Bernama pada majlis Dialog Integriti ASEAN 2017 (AID 2017) baru-baru ini.

Dalam menangani isu yang membabitkan salah laku dan salah guna kuasa ini, amat bertepatan sekali langkah yang diambil oleh INTEGRITI selaras dengan peribahasa “melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

Sebagai usaha memperluas serta mempertingkatkan kefahaman masyarakat berhubung integriti di setiap peringkat, Anis Yusal berkata antara inisiatif pendidikan integriti yang terbaru dijalankan ialah memperkenalkannya di peringkat pra sekolah.

Menurut beliau, pihaknya membangunkan Modul Integriti Prasekolah (MIPs) sebagai projek perintis di beberapa buah tadika di Lembah Klang dan Terengganu.

Inisiatif yang bermula akhir 2016 dibuat secara kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan melibatkan prasekolah yang dikendalikan kementerian.

Ia memberi fokus kepada konsep penceritaan bersifat pembelajaran yang menyeronokkan untuk memudahkan pemahaman dan secara langsung turut menerapkan elemen nilai murni dalam kehidupan seharian.

“Ujian perintis dijalankan di 11 buah tadika di Lembah Klang dan Terengganu. Kami bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam membangunkan modul yang bersesuaian untuk diterapkan dalam proses pembelajaran.

“Ia bukan subjek khas sebaliknya nilai tambahan dalam

subjek yang diajar. Ia juga diselarikan dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang sedia ada. Jika kita lihat dalam kurikulum tadika yang ada sekarang, majoritinya fokus untuk menjadikan anak pandai membaca dan mengeja, tetapi dalam konteks mendidik dengan nilai-nilai murni, agak kurang,” katanya.

Beliau turut berkata inisiatif berkenaan diharap dapat membantu dalam memupuk dan membudayakan integriti di peringkat awal.

Ibu bapa turut perlu memainkan peranan dalam mempamer contoh yang baik kepada anak.

“Perlu diingat pendidikan integriti ini perlu bermula dari rumah. Ibu bapa perlu memainkan peranan dan tidak boleh semata-mata mengharapkan cikgu di sekolah sahaja. Ringkasnya, ia memerlukan kerjasama semua pihak. Jika cikgu di sekolah mengajar tentang integriti tetapi di rumah ibu bapa menunjukkan nilai yang tidak baik, pasti akan timbul kekeliruan kepada anak,” katanya sambil menambah peranan media juga amat besar dalam membantu menyebarkan isu berkaitan integriti agar dapat difahami semua pihak.

Pengalaman Filipina

Ketika berkongsi pandangan, seorang panel dialog berkenaan dari Filipina, Penolong Ombudsman Maklumat Pendakwaan, Khidmat Penilaian dan Pemantauan, Maribeth T. Padios berkata pendidikan awal mengenai integriti boleh membantu seseorang individu menjalankan amanah dan tugas dengan baik apabila melangkah ke alam pekerjaan.

“Kita perlu mendidik integriti pada usia muda supaya nilai murni ini sudah ada dalam diri individu ketika dia memasuki dunia pekerjaan. Pada masa itu kita tak perlu lagi nak ajar apa yang betul dan apa yang salah kerana dia sudah tahu makna integriti.

“Bagi saya integriti faktor amat penting untuk tadbir urus yang baik. Setiap orang terutamanya yang berkhidmat untuk orang ramai mempunyai nilai integriti bukan kerana mereka diberi gaji tetapi itu adalah yang sewajarnya dilakukan,” katanya.

Menurut beliau, di Filipina juga ada dijalankan beberapa program berkaitan integriti, contohnya program anti rasuah yang melibatkan penyertaan orang awam termasuk organisasi swasta.

Sambungan di muka surat 15

POLITICAL BRANDING STRATEGIES: CAMPAIGNING AND GOVERNING IN AUSTRALIAN POLITICS



Publisher: Palgrave Macmillan


Published: 2016

Author: Lorann Downer

Political Branding Strategies tells the story of branding by the Australian Labor Party across seven years. This is an account of three brands the Kevin07 brand crafted for Kevin Rudd, The Real Julia brand of his successor, Julia Gillard, and that of the party. Drawing on insider insight and a new framework to understand and evaluate political branding, Labor's strategies are considered in two case studies. They tell of skilful use of comprehensive branding strategies and costly disregard of basic branding principles, of stunning success and shattering reversal. This is a story with lessons for practitioners, researchers and citizens in democracies everywhere.

Employing a new framework to understand and evaluate branding, the book offers lessons for practitioners, researchers and citizens in democracies everywhere.

THE HEART OF ISLAM: ENDURING VALUES FOR HUMANITY



As the specter of religious extremism has become a fact of life today, the temptation is great to allow the evil actions and perspectives of a minority to represent an entire tradition. In the case of Islam, there has been much recent confusion in the Western world centered on distorted portrayals of its core values. Born of ignorance, such confusion feeds the very problem at hand.

In *The Heart of Islam* one of the great intellectual figures in Islamic history offers a timely presentation of the core spiritual and social values of Islam: peace, compassion, social justice, and respect for the other. Seizing this unique moment in history to reflect on the essence of his tradition, Seyyed Hossein Nasr seeks to "open a spiritual and intellectual space for mutual understanding." Exploring Islamic values in scripture, traditional sources, and history, he also shows their clear counterparts in the Jewish and Christian traditions, revealing the common ground of the Abrahamic faiths.

Publisher: Harper Collins

Published: 2014

Author: Seyyed Hossein Nasr

Nasr challenges members of the world's civilizations to stop demonizing others while identifying themselves with pure goodness and to turn instead to a deeper understanding of those shared values that can solve the acute problems facing humanity today.

The Heart of Islam is a landmark presentation of enduring value that offers hope to humanity, and a compelling portrait of the beauty and appeal of the faith of 1.2 billion people.



Kunjungan hormat ke pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Dato' Mohd Faudzi Che Mamat pada 7 November 2017.

Pengerusi Bank Rakyat, Tan Sri Shukry Mohd melawat tapak pameran INTEGRITI sewaktu program Hari Integriti Bank Rakyat.



Lawatan delegasi Kementerian Kewangan Indonesia ke INTEGRITI pada 16 November.



Sambungan dari muka surat 13

Dalam pembentangan bertajuk *'Mapping Solutions: Effective Tools for Improving Public Services – The Philippines Experiences'*, Maribeth turut berkongsi bahawa tadbir urus, akauntabiliti dan penyampaian perkhidmatan awam adalah saling berkait.

Beliau berkata adalah penting untuk kerajaan fokus kepada penyampaian perkhidmatan awam kerana rakyat sering kali melihat sektor berkenaan sebagai 'pembekal perkhidmatan' dan mereka membayar cukai untuk mendapatkannya.

"Rakyat pada masa ini lebih sedar tentang hak mereka, dan mudah mendapat maklumat tentang perkhidmatan awam dan semestinya mahu khidmat yang lebih baik. Hakikatnya sektor awam dinilai daripada kecekapan perkhidmatan dan bukan berapa banyak hasil yang diperolehi atau pekerjaan yang disediakan.

"Perubahan tadbir urus yang baik yang dilaksanakan di Filipina yang kini menjadi alat berkesan untuk memperbaiki perkhidmatan awam termasuk sistem pemantauan kerehah birokrasi, sistem indeks kepuasan rakyat (CSIS) dan penggunaan sumber teknologi seperti infrastruktur komunikasi," katanya.

"Kami juga mempunyai perkhidmatan yang membolehkan orang ramai membuat laporan serta-merta, membuat pertanyaan, aduan atau memberi komen atau cadangan tentang perkara berkaitan kerajaan menerusi SMS yang dipanggil TXT CSC," katanya sambil

menambah TXT CSC menerima purata 1,000 hingga 1,500 mesej sebulan.

Perkhidmatan secara e-government turut digunakan dalam pentadbiran awam terutama bagi tujuan pengurusan penyelarasan data serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan pengembangan saluran komunikasi.

"Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menganggap e-government sebagai alat berkesan untuk perkhidmatan awam kerana ia meningkatkan kebertanggungjawapan dan ketelusan. Berdasarkan kajian 2016 UN *E-Government Survey*, Filipina kini berada di tempat 71 daripada 193 negara, naik 24 anak tangga dari aspek pembangunan e-government.

"Filipina memperoleh markah tinggi dalam *E-Government Development Index* (EDGI), dengan jumlah 0.58 dari markah penuh 1, menewaskan negara jiran Asia yang lain. Purata global ialah 0.5," katanya.

AID 2017 adalah yang ketiga diadakan selepas 2008 dan 2015 dengan tema pada kali ini *'Reinventing Good Governance Through Universal Values'*. Program dialog ini melibatkan panel dari Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Laos, Vietnam, Kemboja dan Singapura. – BERNAMA



www.integrity.my

